



**Jabatan Pendaftar**

REGISTRAR'S OFFICE

---

**Universiti Utara Malaysia**

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3/2018**

**- ARAHAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PENGINAPAN DI  
EDC HOTEL KUALA LUMPUR BAGI SEMUA URUSAN TUGAS RASMI  
SERTA PENGANJURAN KURSUS, BENGKEL, MESYUARAT DAN  
SEMINAR UUM DI KUALA LUMPUR**



**JABATAN PENDAFTAR  
REGISTRAR'S OFFICE**  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN  
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199  
Faks (Fax): 604-928 3104  
Laman Web (Web): [www.uum.edu.my](http://www.uum.edu.my)

## "MUAFAKAT KEDAH"

Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6  
Tarikh : 12 April 2018

Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah/Pengetua INASIS  
dan Semua Staf  
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3/2018 - ARAHAN MENGGUNAKAN  
KEMUDAHAN PENGINAPAN DI EDC HOTEL KUALA LUMPUR BAGI SEMUA URUSAN  
TUGAS RASMI SERTA PENGANJURAN KURSUS, BENGKEL, MESYUARAT DAN SEMINAR  
UUM DI KUALA LUMPUR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./tuan/puan, EDC Hotel Kuala Lumpur di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur telah bersedia memulakan operasinya. Hotel ini menyediakan sebanyak 242 bilik penginapan dilengkapi dengan satu (1) unit grand ballroom, satu (1) unit board room, enam (6) buah dewan seminar/serbaguna, satu mini gimnasium, 140 ruang letak kereta dan tiga (3) unit outlet F&B.
3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-113 Bilangan 2 Tahun 2018 pada 5 April 2018 telah bersetuju agar semua staf UUM dari semua kategori yang akan menjalankan tugas rasmi di sekitar Kuala Lumpur dan kawasan di sekitarnya termasuk beberapa kawasan di Selangor **mulai 15 April 2018 ini**, diwajibkan untuk menginap di hotel berkenaan. Begitu juga dengan penganjuran kursus, bengkel, mesyuarat atau seminar UUM di Kuala Lumpur, hendaklah dilaksanakan di hotel ini.
4. Kawasan bertugas di mana staf perlu menginap di EDC Hotel Kuala Lumpur adalah merangkumi **Ampang Jaya, Bangi, Batu Caves, Cheras, Cyberjaya, Hulu Langat, Kajang, Kepong, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Puchong, Putrajaya, Rawang, Selayang, Serdang, Seri Kembangan, Shah Alam, Subang Jaya, Sungai Buloh dan Wangsa Maju.**
5. Mana-mana staf yang menginap di hotel lain ketika menjalankan tugas rasmi di tempat dan kawasan sekitar seperti yang dinyatakan di atas, tidak akan dibiayai oleh Universiti. Namun begitu, Naib Canselor boleh mengecualikan peraturan ini jika ada kes-kes khas.

Universiti Pengurusan Terkemuka  
The Eminent Management University



6. Selaras dengan ketetapan ini, maka Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) diminta untuk merancang perjalanan staf ketika menjalankan tugas rasmi supaya kos dapat diminimumkan. Bagi tujuan ini juga, Universiti akan menggunakan Sistem Pemohonan Tugas Rasmi sedia ada di dalam Portal UUM untuk urusan tempahan penginapan dengan pihak EDC Hotel Kuala Lumpur. Sehubungan dengan itu, semua staf diwajibkan untuk mengisi permohonan tugas rasmi di dalam portal masing-masing apabila dikehendaki bertugas di luar kampus dan Ketua PTJ hendaklah sentiasa menyemak dan segera meluluskannya.

7. Universiti turut menggalakkan staf untuk menginap di hotel milik anak syarikat Universiti ini, sekiranya mempunyai urusan peribadi dan pihak hotel akan menawarkan pakej-pakej percutian serta penginapan yang menarik kepada semua staf. Staf hanya perlu membayar deposit sebanyak RM 100.00 (yang tidak akan dikembalikan) dan bakinya boleh dibuat secara potongan gaji.

8. Bersama-sama ini saya sertakan Panduan Pengguna Sistem Permohonan Tugas Rasmi yang baharu di dalam Portal UUM (lihat Lampiran 1) dan kadar sewa bilik di EDC Hotel Kuala Lumpur (lihat Lampiran 2) untuk rujukan Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./tuan/puan.

9. Pihak EDC Hotel Kuala Lumpur boleh dihubungi melalui pegawai bertugas, En. Husni bin Hashim di talian 014-2715141 atau e-mel [husni@edckl.com.my](mailto:husni@edckl.com.my).

10. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"ILMU BUDI BAKTI"**

Saya yang menurut perintah



**(BAHARUDIN BIN YAACOB)**

Pemangku Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia  
b.p Naib Canselor

s.k      -      Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor  
             -      Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti

## PANDUAN PENGGUNA SISTEM PERMOHONAN TUGAS RASMI

### Langkah-langkah

1. Login ke portal di alamat : <https://portal.uum.edu.my>



2. Pilih menu services



3. Pilih pada Official Duty



### 3. Pilih Apply Official Duty (Local)

The screenshot shows a web browser window with the URL `http://localhost:15693/umg_staff/apply_official_duty.php`. The page title is "UUM Staff Portal". The main heading is "APPLY OFFICIAL DUTY (LOCAL)". The user is logged in as "Norazimah Bt Mat Noh (B06)". The form fields are as follows:

|                  |                                          |      |                                                           |
|------------------|------------------------------------------|------|-----------------------------------------------------------|
| Approver         | Norazimah Bt Mat Noh (azimah@uum.edu.my) |      |                                                           |
| Start Date       | <input type="text"/>                     | Time | <input type="text"/> (hour) <input type="text"/> (minute) |
| End Date         | <input type="text"/>                     | Time | <input type="text"/> (hour) <input type="text"/> (minute) |
| Place            | <input type="text"/>                     |      |                                                           |
| District         | <input type="text"/>                     |      |                                                           |
| Country          | <input type="text"/>                     |      |                                                           |
| Reason           | <input type="text"/>                     |      |                                                           |
| Support Document | <input type="text"/>                     |      |                                                           |

Below the form fields is a list of districts: Ampang Jaya, Bangi, Batu Caves, Cheras, Cyberjaya, Hulu Langat, Kajang, Kapong, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Puchong, Putrajaya, Rawang, Selayang, Serdang, Seri Kembangan, Shah Alam, Subang Jaya, Sungai Buloh, Wangsa Maju, and Others than Nearby EDC Kuala Lumpur area.

At the bottom, there is a yellow box with the text: "Please fill in Lampiran A and consult your Department Leave Administrator for any enquiry."

### 4. Masukkan maklumat tugas rasmi di atas.

- Di bahagian District, sila pilih daripada senarai yang dipaparkan. Terdapat senarai daerah yang dikategorikan berhampiran dengan EDC Hotel Kuala Lumpur dan pilih satu sekiranya bertugas di kawasan ini. Sekiranya tidak, pilih 'others'.

### 5. Klik Save untuk simpan maklumat.

6. Maklumat emel akan dihantar kepada pegawai pelulus untuk diluluskan dan sekiranya tempat bertugas adalah dalam kawasan yang dikategorikan sebagai berhampiran dengan EDC Hotel Kuala Lumpur, satu emel akan dihantar secara automatik untuk tempahan penginapan di EDC Hotel Kuala Lumpur. Pihak EDC Hotel Kuala Lumpur akan memberikan maklumbalas kepada permohonan tersebut.

### 7. Tamat

## EDC HOTEL KUALA LUMPUR ACCOMMODATION RATES 2018

| PUBLISHED RATE   |           |
|------------------|-----------|
| ROOM TYPE        | RATE (RM) |
| STANDARD         | 350       |
| STANDARD TRIPLE  | 400       |
| DELUXE           | 450       |
| DELUXE TRIPLE    | 500       |
| JUNIOR SUITE     | 650       |
| AMBASSADOR SUITE | 950       |
| PRESIDENT SUITE  | 1250      |

| GOVERNMENT RATE  |           |
|------------------|-----------|
| ROOM TYPE        | RATE (RM) |
| STANDARD         | 175       |
| STANDARD TRIPLE  | 210       |
| DELUXE           | 215       |
| DELUXE TRIPLE    | 225       |
| JUNIOR SUITE     | 400       |
| AMBASSADOR SUITE | 650       |
| PRESIDENT SUITE  | 850       |

| CORPORATE RATE   |           |
|------------------|-----------|
| ROOM TYPE        | RATE (RM) |
| STANDARD         | 185       |
| STANDARD TRIPLE  | 215       |
| DELUXE           | 235       |
| DELUXE TRIPLE    | 265       |
| JUNIOR SUITE     | 500       |
| AMBASSADOR SUITE | 750       |
| PRESIDENT SUITE  | 950       |

| OTA RATE         |             |             |             |
|------------------|-------------|-------------|-------------|
| ROOM TYPE        | TIER 1 (RM) | TIER 2 (RM) | TIER 3 (RM) |
| STANDARD         | 168         | 178         | 198         |
| STANDARD TRIPLE  | 178         | 188         | 208         |
| DELUXE           | 198         | 208         | 228         |
| DELUXE TRIPLE    | 238         | 248         | 268         |
| JUNIOR SUITE     | 383         | 398         | 418         |
| AMBASSADOR SUITE | 533         | 543         | 563         |
| PRESIDENT SUITE  | 683         | 693         | 713         |

\* AGENT AND WHOLESALE RATE RM130 NETT WITH BREAKFAST AT BLOCK C

\*Room rate are inclusive Breakfast and 6% GST

\*Prices are subject to change without prior notice